




قليتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

28 BILANGAN 21

RABU 25HB MEI, 1983.

1403 رابو 12 شعبان

PERCUMA

ULANG TAHUN KE-22 AMDB SAMBUT SELURUH NEGERI

Kebawah Duli
Mulia Paduka Seri
Dipertuan dan Yang Diper-
tuan Brunei serta Kerabat-
Diraja dijangka akan
ke Majlis Santap dan
Kesenian di Mess
Perkemahan Berakas di
Ulang Tahun ke-22
Askar Melayu Diraja
di 31hb. Mei ini.

dan Perbarisan di seluruh daerah.

Di Daerah Brunei-Muara, Hari Ulang
Tahun pasukan akan diraikan dengan
mengadakan Pertunjukan Arena, dengan
persembahan permainan pancaragam,
gymnastik, pertunjukan turun dari
helikopter dengan tali, cara mencegah
kebakaran, pertunjukan Anjing Perang,
terjun payung cara bebas dan pertunjukan
peperangan. Pertunjukan akan diadakan
pada 31hb. Mei ini di Padang Jalan Up
Lynn.

Juga sebagai acara hari itu ialah
pameran statik yang akan memperlihatkan
peralatan, perkakas dan senjata-senjata
yang terdapat dalam Pasukan Askar
Melayu Diraja Brunei dan digunakan oleh

Infanteri Batalion, di tempat yang sama.

Sementara itu, acara sambutan bagi
Daerah Belait akan mengandungi per-
barisan melalui Pekan Kuala Belait dalam
dua bahagian, iaitu Perbarisan Tentera
Berjalan Kaki dan Perbarisan Kenderaan,
yang masing-masing memperlihatkan jenis
pakaian dan kenderaan dalam pasukan.
Perbarisan akan diadakan di antara jam
9.00 hingga 10.00 pagi pada 31hb. Mei.

Selain itu, pasukan itu juga akan
mengadakan acara terbang lalu oleh enam
buah helikopter Cawangan Udara, pertun-
jukan dari Pasukan Pengambilan Rekrut
dan Pasukan Askar Wanita, serta kun-
jungan orang ramai ke kapal-kapal dari
Angkatan Laut di kawasan Kastam Kuala
Belait antara jam 10.00 hingga 12.00
tengah hari. Sambutan tersebut juga akan
diadakan pada hari yang sama oleh
Angkatan Laut di Padang Bangar Daerah
Temburong.

Manakala Ulang Tahun ke-22 pasukan
itu tahun ini diadakan bagi Daerah
Tutong dengan acara Pertunjukan Tatoo
pada 3hb. Jun depan di Padang
Perkemahan Tutong. Acara bermula an-
tara jam 9.30 pagi hingga 11.00 pagi.

Persefahaman rakyat

galkan percubaan jahat

SERI BEGA-
Persefahaman di
rakyat dan pen-
percaya kepercaya-
terhadap kepim-
Kerajaan dan Kera-
terbukti
kedudukan
di mana rakyat
saling
satu sama lain
mencapai dan
aspirasi ber-
negara
negara ini.

Pengarah Penerangan,
Awang Haji Badaruddin
bin Pengarah Haji
Othman menekankan
bahawa kedudukan
tersebut telah meng-
gagalkan percubaan untuk
menimbulkan kegelisahan
di kalangan orang ramai
menerusi penyebaran
khabar-khabar angin
seperti yang berlaku baru-
baru ini.

Katanya dalam suasana
aman yang dinikmati oleh

semua orang selama ini,
tidak ada sebab bagi
sesiapa untuk berperasaan
buruksangka terhadap
satu sama lain dalam er-
tikata kononnya satu-satu
pihak akan menzalimi
pihak-pihak yang lain.
Dan tidak ada alasan yang
kuat, tambahnya, bagi
siapa-siapa di negeri ini
untuk mencurigai niat
baik Kerajaan dalam
semua dasar dan tindakan
yang menyentuh kepen-
tingan golongan-golongan

rakyat dan penduduk.

Beliau menyatakan
demikian kepada peserta-
peserta taklimat dari
Mukim Tanjong Maya
yang diadakan di sini pada
hari Khamis lepas.

Sebelum itu, Awang Ha-
ji Badaruddin telah
menyebutkan bahawa se-
jak akhir-akhir ini banyak
diperkatakan tentang peri-
mustahaknya memelihara
perpaduan dan memupuk
persefahaman di kalangan
semua lapisan rakyat dan
penduduk.

Dalam hubungan itu,
katanya, orang ramai
diseru supaya mengelak-
kan perkara yang boleh
memecah-belahkan dan
mengacau-bilaukan
keamanan, kesejahteraan
dan kebahagiaan yang
dinikmati oleh semua
orang di negeri ini.

"Pada keseluruhannya kita
sendiri berkeyakinan bahawa
kehidupan aman dan sejahtera
yang dinikmati selama ini adalah

Lihat muka 20

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH MALAM INI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli
Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran
Muda Mohamed Bolkiah, selaku Timbalan Sultan dijadualkan
berangkat untuk menyampaikan hadiah dan sijil-sijil kepada
pemenang-pemenang Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian
Dewasa Peringkat Negeri pada malam ini.

Pertandingan kali ke-23 itu telah dimulakan semalam di mana
seramai sepuluh orang peserta termasuk lima orang qariah telah
bertanding merebut johan qari dan qariah tahun 1983/1403.

Pertandingan tersebut diadakan di Padang SMJA di mana sebuah
astaka yang indah dan sebuah pentas khas dibina dan disiarkan
secara langsung melalui radio dan televisyen.

Majlis pertandingan itu telah dibuka dengan rasminya oleh
Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya
Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz.

Sejurus sebelum itu, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B.
Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd
Zain yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Pertan-
dingan telah menyampaikan ucapan alu-aluan.

Seramai sebelas orang hakim termasuk dua orang yang diundang
dari negara jiran Malaysia dan Indonesia telah menghakimkan per-
tandingan tersebut.

Tema pertandingan tahun ini berbunyi: DAPATKAN PER-
TOLONGAN DAN PEMBELAAN ALLAH DENGAN BERTAKWA.

Kemerdekaan dicapai tanpa syarat

BANDAR SERI BEGA-
WAN. — Rakyat perlu
menyedari bahawa
kemerdekaan negeri ini
tidak bersyarat. Dan
semangannya tidak ada
pihak yang berhak
mengatakan syarat-syarat
bagi Brunei memperoleh
kemerdekaannya. Maka
begitulah kedudukannya
bahawa kemerdekaan yang
akan dicapai itu tidak
dipersyaratkan bagi Kera-
jaan mengadakan
pilihanraya.

apakah pilihanraya akan
diadakan selepas Brunei
merdeka nanti
sebagaimana negara-
negara yang lain.

Awang Haji Badaruddin
telah membawa perhatian
peserta-peserta taklimat
kepada penduduk negara-
negara yang sudah
merdeka atau sudah sedia
merdeka sejak beberapa
lama. Menurutnya, ada di
antara negara-negara itu
tidak pernah mengadakan

Lihat muka 20

Pegawai tempatan ketuai Angkatan Laut

SERI BEGAWAN.
Kebawah D.Y.M.M.
Seri Paduka Sultan
Dipertuan Negeri
telah
angkatan
Laila Diraja Dato
Kali Orang Kaya
Razali sebagai
Pemerintah
Angkatan Laut 22hb
Angkatan Laut.

Juragan Laila Diraja dilantik
bagi menggantikan Leftenan
Kolonel A.H. Lorimer yang
telah menamatkan tempoh
perkhidmatannya dalam
bulan lalu.

Sebelum dilantik kejawatan
tersebut Lt. Kol. Pehin Datu
Juragan Laila Diraja
memegang jawatan Timbalan
Pegawai Pemerintah
Angkatan Laut.

Jawatan Timbalan Pegawai

Pemerintah sekarang disan-
dang oleh Mejar Shahri bin
Haji Mohd Ali. Lantikan Me-
jar Shahri bermula dari 19hb
April, 1983.

Sementara itu Kebawah
Duli Yang Maha Mulia juga
telah berkenan menaikkan
pangkat Lt. Muda Abidin bin
Harrian ke pangkat Leftenan.

Lt. Abidin bertugas di
Batalion Kedua dan
kenaikannya bermula dari
31hb Oktober, 1982.

MANISNYA IMAN

"KEMISKINAN itu
hampir-hampir menjadi
kekufuran." — HADIS
Nabi riwayat Ahmad bin
Munir daripada Hassan.



25HB MEI, 1983

*Dengan nama Allah yang
pemerah dan maha penyayang*

Persefahaman dan Perpaduan:

HUBUNGAN DENGAN PENERIMAAN CORAK NEGARA

Apabila orang ramai diserukan supaya sentiasa memelihara persefahaman yang sedia wujud bagi mengukuhkan lagi perpaduan di antara sesama mereka dan di antara mereka dengan Kerajaan maka itu bukanlah kerana telah terdapat keadaan kalam-kabut di kalangan orang ramai pada masa ini. Tidak ada sebab seruan itu boleh

dikaitkan dengan apa-apa jua langkah Kerajaan atau sebarang perkembangan yang berlaku, sebab masing-masing orang dapat merasakan sendiri betapa kehidupan harian di negeri ini terus berlangsung dalam suasana biasa yang harmoni.

Sebenarnya kita semua sependapat akan kepentingan mengekalkan suasana harmoni itu, dan masing-masing kita mempunyai kepentingan untuk terus hidup bermasyarakat secara aman seperti yang dinikmati selama ini. Sebab itu, manakala ada 'percubaan' menerusi penyebaran khabar-khabar angin untuk menimbulkan kegelisahan di kalangan kumpulan-kumpulan masyarakat tertentu baru-baru ini maka tiada sesiapa yang terpengaruh untuk mempercayainya apa lagi untuk bertindak liar menghuru-harakan keadaan.

Tambahan kepada itu ialah kedudukan sosiopolitik negeri kita adalah mantap di mana tidak ada sebab bagi sesiapa berperasaan buruk sangka terhadap satu sama lain dalam ertikata satu-satu pihak akan menzalimi pihak-pihak lain; dan terhadap Kerajaan — tiada ada alasan yang kuat bagi sesiapa untuk mencurigai niat baik Kerajaan dalam semua dasar dan tindakannya yang

menyentuh kepentingan golongan-golongan rakyat dan penduduk.

Mengenai persefahaman yang sedia ada itu, kita sesungguhnya mempunyai asas yang baik bagi mengukuhkannya dan seterusnya menegakkan perpaduan sebagai bangsa Brunei menerusi ketepatan kepada Raja, penggunaan dan pemakaian bahasa serta adat resam yang sama atau hampir sama. Kesemua ini bukan setakat membantu kita untuk merasakan saling berkaitan antara satu sama lain bahkan yang utama lagi ialah saling sama-sama merasakan berkepentingan terhadap negara Brunei Darussalam ini.

Kemudian, perasaan saling mempunyai kepentingan terhadap negara itu setentunya akan diikuti oleh perasaan menyayangi dan menghargakannya. Sayangnya negara dan tahu menghargakannya adalah syarat penting bagi kita dan generasi yang akan datang untuk mewarisi Brunei dengan bangga dan terhormat.

Dalam pada itu perlulah jelas kepada semua orang bahawa perasaan saling berkepentingan terhadap negara ini mestilah disertai dengan penerimaan hakikat dan

kedudukan Brunei sebagai Kesultanan Melayu-Islam. Melayu-Islam itu telah menjadi kenyataan ini mestilah di 'promote'.

Dan yang perlu disedari adalah hakikat tersebut adalah syarat penting untuk jelmakan identiti negara-negara lain. Pun pada memberi identiti bangsa antarabangsa. Soal bahawa dan corak negara sedemikian menghalang perpaduan berbangkit memandangkan pengaruh-pengaruh corak itulah sebenarnya yang di bawah pemerintahan Melayu-Islam rakyat dan penduduk dengan adil. Oleh yang demikian sebab yang munasabah untuk yang corak Melayu-Islam memungkinkan perpaduan untuk menegakkan perpaduan orang teraksa berfikir rumusan lain di luar hakikat Brunei yang sebenarnya itu.

Pertandingan Membaca Al-Quran:

SATU LANGKAH SERAPKAN KESEDARAN BERAGAMA

BERIKUT ialah ucapan Y.B. Pemangku Setiausaha Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Dato Setia Awang Haji Mohd Taib semasa merasmikan Pertandingan Membaca Al-Quran Antara Jabatan-Jabatan Seragam Tahun 1403/1983 bertempat di Dewan Ugama Seri Begawan pada 14hb Mei yang lalu.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah yang telah menurunkan Al-Quran sebagai sebaik-baik petunjuk kehidupan, selawat serta salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. yang telah menjadi rahmat kepada seluruh alam.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada pengerusi dan Ahli-Ahli Jawatankuasa Pertandingan Membaca Al-Quran Antara Jabatan-Jabatan Kerajaan Yang Berpakaian Seragam kerana sudi menjemput saya hadir dan merasmikan majlis yang amat berkebahagian ini serta menyampaikan hadiah-hadiah kepada para peserta.

Saya sesungguhnya turut berbangga kerana pertandingan membaca Al-Quran ini telah berjaya diumumkan dari setahun oleh Jabatan-Jabatan Kerajaan yang berpakaian seragam yang mana menurut hemat saya pertandingan serupa ini membawa berbagai-bagai pengertian termasuklah bagi faedah agama, pentadbiran dan kehidupan yang luas yakni hidup bermasyarakat dan bernegara.

Dari segi keagamaan, pertandingan serupa ini tidaklah sepatutnya berada pada peringkat kegemaran untuk mengangjurkannya saja, akan tetapi apa jua majlis, pertandingan atau upacara keagamaan seharusnya menjadi program berencana yang teratur pada memanfaatkan ajaran-ajaran agama itu bukan saja pada bidang yang terbatas, bahkan menyeluruh kepada aspek-aspek yang lebih luas,

yakni kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Oleh yang demikian, pertandingan membaca Al-Quran ini sewajarnya dijadikan sebahagian daripada langkah pada mencerminkan kesediaan dan penyertaan pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan pada menerapkan setakat yang terupaya akan kesedaran beragama di dalam Jabatan-Jabatan yang dinyatakan sebagai sebahagian daripada teras identiti keBruneian kita dan juga semata-mata pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang menghasratkan pada menjadikan Islam sebagai cara hidup di negeri ini.

Permuafakatan yang ditunjukkan pada mengukuhkan majlis seperti ini seharusnya pula berupaya pada meneruskan dan sentiasa mengukuhkan semangat kerja yang saling bersatu padu dan bersefahaman di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan-Jabatan yang terlibat. Serentak dengan itu usaha yang berkebahagian ini dengan tidak syak lagi patutlah dicontohi oleh lain-lain pihak termasuklah masyarakat umum dan pihak swasta, khasnya bagi faedah-faedah mempertingkatkan lagi sistem kerja yang berteraskan persefahaman yang padu bukan saja dalam sektor Kerajaan bahkan dalam segenap

bidang. Perkara seperti ini amatlah penting dijadikan sebagai asas yang pokok pada menentukan tercapainya secara menyeluruh dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang menuju ke arah suatu corak pemerintahan yang cekap, jujur dan amanah. Kita juga harus mengambil perhatian bahawa pada menentukan pencapaian dasar yang amat tepat itu, maka zaman yang penuh cabaran dan pertambahan tanggungjawab yang sedang dan akan dihadapi oleh negara ini tidak lagi memberi kita ruang waktu untuk menjadikan persefahaman dan perpaduan itu sebagai isu percakapan semata-mata, akan tetapi perkembangan dan pembangunan negara ini menghendaki setiap rakyat dan penduduk dari segala kaum dan puak keturunan mengambilkann terus-menerus perasaan saling mengerti seperti itu dalam kehidupan kita sehari-hari termasuklah dalam apa jua pekerjaan dan perkhidmatan.

Hal yang saya kemukakan ini sebenarnya tidak sahaja merupakan suatu kemestian kepada kita semua, bahkan hendaklah dijadikan suatu keutamaan, kerana kita tidak sahaja bertanggungjawab memastikan suatu tahap kehidupan yang sentiasa aman, tenteram dan berjaya buat masa ini, akan tetapi yang lebih utama kita juga mem-

punyai tugas bagi menentukan bahawa keturunan kita yang akan datang akan dapat mewarisi suatu asas masyarakat dan sebuah negara yang telah bersedia dengan unsur-unsur kehidupan yang memungkinkannya untuk terus berkembang dan mencapai kejayaan yang berterusan. Untuk maksud ini, maka wujudnya sebuah pemerintahan yang efisien, jujur dan amanah seperti yang dihasratkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan itu wajiblah dijunjung sebagai jaminan yang paling berkesan pada menentukan corak Negara Brunei Darussalam yang mampu terus berkembang zaman-berzaman.

Dalam merangka langkah-langkah jangka panjang seperti itu, perhatian haruslah juga ditumpukan kepada unsur-unsur yang wujud di sekeliling kita. Akhir-akhir ini terdapat kegemaran sebahagian orang untuk menaburkan perkara-perkara yang boleh mengelirukan bahkan menimbulkan pergisiran antara kita sesama sendiri, termasuklah khabar-khabar angin atau pandangan-pandangan liar yang terdapat dalam mass-media di luar negeri yang menyentuh mengenai Negara Brunei Darussalam secara tidak sihat dan jauh daripada kenyataan yang sebenarnya. Dasar Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang

Dipertuan mengenai khabar-khabar angin ini adalah jelas, iaitu kita tidak akan bertolak ansur pada mengambil tindakan-tindakan yang perlu, semata-mata bagi melindungi keselamatan dan kepentingan negara daripada elemen-elemen yang cuba mendatangkan bahaya. Walau bagaimanapun langkah pengawalan yang paling tepat akan terus-menerus berada pada setiap rakyat dan penduduk negara ini, iaitu dengan cara antara lain mempergunakan dorongan-dorongan agama yang menggesa supaya dibentuk satu corak kehidupan yang harmoni di samping memperkaya persediaan masyarakat kita sendiri untuk memikul tanggungjawabnya melalui pelbagai kebolehan dan kemahiran. Pada peringkat ini, tugas kita bukanlah hanya bertanya tentang apa kemudahan yang telah dan sedang disediakan Kerajaan untuk memperoleh kemahiran itu, akan tetapi kita harus berusaha bagaimana mendorong kesedaran secara besar-besaran di kalangan masyarakat kita untuk sama-sama mempergunakan sepenuhnya segala kemudahan yang telah disediakan umpamanya di bidang pendidikan. Kesedaran serupa ini adalah penting supaya dalam jangka masa yang tertentu kita berupaya memiliki sumber sains dan teknologi yang tinggi yang mana pada masa sekarang adalah menjadi unsur

utama

perkembangan tumbuhkan. Terlanjut nyebut menganalisis yang gungjawab kita sedemikian bentuk Darussalam maju dan yang akan kepada datang jentera sentiasa mampu ehwal majlis jujur dan bukanlah yang semata-mata Kerajaan peringkat masyarakat sama peranan masing-masing pula bukannya terdapat yang sentiasa berat kehidupan jawabnya bidang baik dan bekalkan tenaga yang telah teras masyarakat bertanggung memang tikaikan terbesar negara ini semata-mata pihak Kerajaan hendaklah gungjawab

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.

MANDI AIR SEMBILAN

Siri ke-184

(sambungan)



seorang Nabi dengan yang lain daripada Nabi-Nabi Allah itu, seumpama mempercayai setengah-setengah Nabi-Nabi Allah yang lain, sebagaimana yang pernah berlaku kepada orang-orang Yahudi dan Nasrani. Kami semuanya menjunjung Titah perintah Allah dan semata-mata menyembah Allah Subhanahu Wataala."

(Surah Al-Baqarah, ayat 136)

WALLAHU A'ALAM.

(Bersambung)

mereka mengaku dirinya menjadi Nabi-Nabi lalu masing-masing mendakwa mendapat wahyu, dan lain-lain lagi kita dengar dari semasa ke semasa orang mengaku menjadi Nabi dan mengaku dapat wahyu.

Ulama-ulama Tauhid dan Ulama-ulama Islam mengatakan bahawa barangsiapa mengaku menjadi Nabi dan mengaku mendapat wahyu lepas kewafatan Nabi kita Sayidina Muhammad maka orang mukmin itu adalah orang kafir dan bukan orang Islam, sekalipun ia diam di kalangan orang Islam

kerana ia telah membohongkan Quran dan Hadis dan Ijma' yang mengatakan tiada lagi sebarang Nabi sesudah Nabi kita Muhammad (Sallallahu Alaihi Wasallam).

Dari sahabat Abu Hurairah (Radiallahu Anhu) kata-nya: "Orang-orang Ahli Kitab Yahudi membaca Kitab Taurat dengan bahasa Ibrani, mereka mensyarahkan Taurat itu dengan bahasa Arab kepada orang-orang Islam, maka bersabda Rasulullah (Sallallahu Alaihi Wasallam) yang artinya:

Kamu wahai umat Islam, janganlah percaya dan membenarkan percakapan Ahli Kitab Yahudi dan Nasrani itu, dan jangan juga kamu membohongkan mereka (kerana dalam Taurat dan Injil ada perkara benar dan ada perkara yang telah dipinda dan diubah, jelasnya Taurat dan Injil yang ada sekarang telah bercampur-aduk antara perkara yang benar dan yang salah). Sebaiknya kamu katakanlah sebagaimana Firman Allah Subhanahu Wataala: "Kami percayakan Allah dan kami percayakan semua wahyu

Allah yang telah turun kepada kami (Al-Quran), dan kami percaya semua wahyu Allah yang telah turun kepada Nabi Allah Ibrahim, Ismail, Ishak, Yaakob, Asbat yakni anak-anak Nabi Allah Yaakob dan apa-apa yang telah didatangkan oleh Allah Subhanahu Wataala kepada Nabi Musa (Taurat) dan kepada Nabi Allah Isa (Injil) dan apa yang didatangkan kepada Nabi-Nabi Allah daripada Allah Subhanahu Wataala (Kitab Allah dan tanda-tanda kebenaran mereka), dan kami tidak membezakan antara

"DENGAR APA SAYA KATA JANGAN IKUT APA SAYA BUAT" — JANGAN DIAMAL

bersabda demikian semasa merasmikan Musabaqah Membaca al-Quran Bagi Belia-Belia Peringkat Senegeri pada 15hb Mei lepas di Pusat Belia di sini. Musabaqah tersebut dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan dengan Kerjasama Majlis Belia-Belia Brunei (MBB) kali ketiga.

Yang Amat Mulia menyeru setiap golongan masyarakat di negeri ini terutama sekali kaum belia supaya akan dapat mencorakkan Brunei ini dengan ketulinannya yang

sejati dan memelihara kerukunan undang-undang negara serta hidup bersendikan agama Islam yang di redai oleh Allah.

Untuk itu sabda Yang Amat Mulia lagi, golongan yang lebih tua atau orang-orang yang terpelajar sepatutnya bersikap sebagai ketua atau pemimpin jangan mementingkan diri sendiri saja, kerana itu akan menjadi contoh dan tauladan kepada generasi kita yang akan datang.

Sehubungan dengan itu Yang Amat Mulia itu mengambil contoh kepada

seorang guru, sekiranya seorang guru itu menyuruh muridnya jangan jahat tapi kalau guru itu sendiri jahat, tentulah muridnya akan mengikut contoh yang jahat dan tidak mengikut apa yang di suruh oleh guru itu supaya jangan jahat, inilah yang dikatakan oleh perumpamaan "Kalau guru kencing berdiri murid akan kencing berlari" sabda Yang Amat Mulia.

Berhubung dengan pembacaan Al-Quran di negeri ini, Yang Amat Mulia itu berpuashati dengan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh qari-qari dan qariah-qariah kita dari semua peringkat hasil inisiatif yang baik dari pihak-pihak yang tertentu di negeri ini. Walau bagaimanapun Yang Amat Mulia itu berharap usaha ke arah meninggikan lagi mutu pembacaan tersebut perlu di tingkatkan dari semasa ke semasa.

Terdahulu sebelum itu ucapan alu-aluan telah di sampaikan oleh Y.B. Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Hussein, Pengarah Kebajikan Belia dan sukan yang juga selaku Pengerusi Musabaqah tersebut.

Seramai 10 peserta termasuk 5 qariah yang mewakili berbagai persatuan belia dan badan-badan kebajikan yang bergabung dengan MBB



Y.A.M. Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali

telah menyertai musabaqah tahun ini.

Johan qari telah disandang oleh Awang Roslan bin Adanan wakil dari Persatuan Gerakan Masyarakat Pemuda Pemudi — GEMA daerah Belait dengan mengutip mata 74 peratus. Naib johan ialah Awang Abd. Aziz bin Abd Samad dengan mata kemenangan 74 peratus mewakili Persatuan Pemuda-Pemudi Melayu Temburong dan tempat ketiga jatuh kepada Awang Emran bin Haji Kunchang yang memungut mata 73¼ peratus wakil dari Persatuan PERKASA di Daerah Brunei dan Muara.

Sementara johan qariah pula telah disandang oleh Dyg. Morniah bte Sufian yang berjaya meraih

markah 75 peratus wakil dari Pertubuhan Perkumpulan Perempuan W.I Tutong. Naib johan Dyg. Rosmawati bte Haji Sulaiman yang mendapat markah 74 peratus wakil dari Persatuan PERTIWI Daerah Brunei manakala menduduki tempat ketiga ialah Dyg. Norsalam bte Haji Abd Lamit dari Badan Kebajikan Dan sukan, JKR — BENARA.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Y.A.M. Pengiran Pekerma Setia Diraja Sahibul Bandar Pengiran Haji Ali. Hadiah-hadiah tersebut berupa piala pusingan dan piala iringan.

Tema musabaqah Quran belia tahun ini berbunyi BERIMAN KEPADA ALLAH DAN BERAMAL DENGAN SALIH.



Awang Roslan bin Adanan wakil dari Persatuan Gerakan Masyarakat Pemuda — GEMA, Belait dan Dyg Morniah bte Sufian dari Pertubuhan Perkumpulan Perempuan W.I, Tutong.

FOKUS • Peranan Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan

DS: Dalam bidang sukan apa pula peranan yang dimainkan oleh jabatan ini?

YB Pehin: Di segi ini jabatan ini sedang berusaha mendatangkan atau mendapatkan tenaga jurulatih atau pegawai-pegawai yang mahir dalam bidang ini bagi melatih dalam sukan-sukan tertentu seperti dalam bidang bolasepak, takraw, hoki dan sebagainya.

Tapi bagaimanapun jurulatih-jurulatih tempatan yang ada dan berkelayakan akan terus diberi peluang untuk meningkatkan mutu pengendalian latihan mereka supaya dapat diketengahkan.

Ke arah ini dua tiga buah negeri seperti Singapura dan Korea telah menunjukkan minat mereka untuk membantu jurulatih tempatan bagi meningkatkan dan memberikan ujian sehingga mereka itu benar-benar mahir dan berkelayakan.

Setakat ini Brunei melalui jabatan ini telah berjaya mendapatkan beberapa tenaga jurulatih seperti olahraga dan insyallah tidak berapa lama lagi beberapa jenis sukan yang lain juga akan mempunyai jurulatih misalnya bolasepak, takraw, hoki dan badminton juga bola keranjang dan seterusnya ke bidang sukan yang lain.

Dalam meningkatkan mutu sukan di negeri ini, mudah-mudahan kita akan dapat tunjuk ajar dan latihan di dalam dan luar negeri dan dengan cara ini taraf sukan sama ada dari segi kualitinya akan bertambah baik dan peluang ke arah ini terpulanglah untuk direbut oleh peserta sukan tempatan.

Setakat ini sambutan ke arah usaha dan inisiatif yang diusahakan oleh jabatan ini mencapai matlamat tersebut amat menggalakkan dan insyallah dalam jangka empat atau lima tahun kita akan mampu mengketengahkan beberapa jenis sukan tertentu ke peringkat antarabangsa.

DS: Apa langkah yang diambil oleh jabatan ini

(sambungan)

Ke arah meningkatkan mutu sukan di negeri ini.



YB Pehin Jawatan Luar Pengeraja Raja Dato Seri Paduka Awg. Hj. Hussin.

dalam memenuhi perkembangan sukan yang ada sekarang selain daripada peranannya dalam menyediakan kemudahan-kemudahan sukan?

YB Pehin: Kalau dibandingkan dengan negara yang maju negeri ini dalam mengusahakan perkembangan sukan begitu rancak diadakan melalui badan-badan sukan tertentu. Dalam pada itu patut diingatkan bahawa segala kegiatan sukan yang diadakan tidak ada faedahnya jika mereka hanya bermain tanpa mementingkan mutu atau standard satu-satu permainan itu.

Sebab itulah saya sering menekankan agar badan-badan sukan yang menganjurkan beberapa kejohanan sukan supaya memegang prinsip ini dan seterusnya menggiatkan usaha mereka itu seperti halnya dalam bidang bolasepak dan takraw.

Ke arah ini saya

menyeru kepada badan-badan tertentu supaya kegiatan mereka itu berterusan dan pihak jabatan ini akan sentiasa memberi sokongan dan bantuan yang terdaya dengan syarat mereka membuatnya secara sistematis seperti mengadakan 'national league' umpamanya.

Ini adalah penting kerana melalui sistem liga ini dan melalui anjuran-anjuran sukan oleh badan-badan tertentu kita dapat mengesan dan mengukur kedudukan mutu sukan tersebut sama ada boleh diketengahkan ke peringkat dalam atau luar negeri.

Apatah lagi pada masa ini Brunei banyak terdedah serta diundang untuk menyertai beberapa kejohanan sukan antarabangsa seperti bolasepak, hoki, dan lain-lain.

Menyentuh perkembangan bolasepak di

DIALOG SEMAS

diusahakan/disusun oleh: MANAF H. dengan kerjasama Bahagian Melayu Radio Brunei.

DALAM MERANGKUKAN SUDUT KEBAJIKAN BELIA DAN SUKAN

Sebelum melangkah dalam arena antarabangsa, mutu sukan tempatan harus ditingkatkan ke tahap yang baik dan mencabar.

negeri ini memang ianya satu jenis sukan yang paling digemari. Tetapi tenaga dalam mengumpulkan bakat-bakat bolasepak masih berkurangan tapi ke arah itu bantuan akan sentiasa diberikan oleh jabatan ini.

Dengan perkembangan sukan bolasepak yang ada pada masa ini sudah patut benar liga tempatan diadakan atau kita sudah sepatutnya benar mengadakan pertandingan besar yang mungkin dapat disertai oleh pasukan-pasukan luar.

Ini amat penting terutama mengelolakan liga yang sistematis. Ke arah ini juga saya telah mengarahkan supaya menubuhkan satu dua pasukan pelapis bagi pasukan kebangsaan yang ada sekarang untuk menghadapi dan sebagai persediaan untuk Brunei menyertai beberapa kejohanan bolasepak luar negeri.

DS: Dengan perkembangan dan kemudahan sukan yang ada apakah kita sedang menyiapkan ahli-ahli sukan kita ke satu tahap pencapaian di peringkat antarabangsa?

YB Pehin: Seperti yang kita maklumi usaha jabatan ini mendatangkan jurulatih bukan setakat untuk bertanding saja tapi yang penting pada meningkatkan mutu sukan

negeri ini ke tahap yang lebih baik dan mencabar.

Apa yang juga dimahukan agar segala usaha ke arah itu tidak akan sia-sia kerana Brunei telah mula terdedah di mata peringkat antarabangsa dan sukan antarabangsa dapat mendedahkan imej sesebuah negara itu.

Sebab itulah sebelum kita melangkah lebih jauh di arena antarabangsa segala kemudahan dan perkembangan yang ada di dalam negeri patutlah lebih dahulu di tingkatkan terutama dalam meningkatkan mutu dan pencapaian sukan kita kerana kita tidak mahu menerima kekalahan setiap menyertai satu-satu kejohanan meskipun negara kita kecil tapi sedikit sebanyak harus memberikan tentang kepada peserta-peserta sukan negara lain.

DS: Apakah persiapan yang dibuat ini ke arah satu penglibatan yang meluas ke peringkat antarabangsa sekiranya Brunei menjadi tuan rumah?

YB Pehin: Persiapan ini bukan setakat untuk Brunei menjadi tuan rumah malah pada menunjukkan kemampuannya misalnya pada menaja satu-satu kejohanan antarabangsa nanti jika ada negara yang mencadangkan demikian mungkin ini dapat ditinjau

setelah itu tuan rumah dan SEA 1985.

Ke arah ini kita sepatutnya pada kemudahan sukan mahupun kita sendiri tingkatkan boleh kebolehan.

Kerana itu kita pada SEA Games kejohanan sukan yang akan negara-negara mempelawa jadi tuan rumah seperti stadium mana yang akan memperkembangkan negara ini yang mahukan kejohanan sukan.

Jika kita dapat puan negara pengelolaan negara lain bezanya dan mungkin hanya pengendalian nanti yang tentu lebih luar yang dijadikan tuan rumah.

Sambutan yang diberikan ke arah matlamat mengembangkan sukan di negeri ini amat menggalakkan dan dalam jangka empat atau lima tahun mungkin akan dapat menampilkan beberapa jenis sukan ke taraf antarabangsa.

Orang derhaka senang-lenang,

yang taat menderita. Mengapa?



Menyakiti hati orang:
MENJEJAS AMAL KEBAJIKAN

Oleh
Norih Abd. Hamid

**Bingkisan
minggu
ini**

Dalam hidup bermasyarakat, akhlak yang mulia, budi pekerti yang baik memainkan peranan yang besar dalam mewujudkan silaturahmi antara sesama manusia dan muslimat. Jika baik akhlak seseorang maka baik juga hubungannya dengan orang ramai dan jika ia berakhlak buruk maka akan buruklah juga pandangan masyarakat kepadanya.

Umat Islam yang berpegang teguh kepada ajaran-ajaran Islam lagi beriman patutlah mempunyai akhlak yang baik terutama dalam pergaulan sehari-hari termasuk dengan keluarga dan jiran tetangga misalnya jangan menyakiti perasaan dan boleh mencetuskan api kemarahannya. Telah diriwayatkan tentang seorang sahabat yang bernama kepada Rasulullah s.a.w. katanya:

"Sungguh perempuannya itu terkenal kerana banyak ibadah semulanya. Tapi dia suka menyakiti hati tetangganya dengan kata-kata buruk."

Lantas Nabi Muhammad s.a.w. menjawab: "Perempuannya itu neraka sempitnya."

Lalu sahabat bertanya: "Wahai Rasulullah, perempuannya itu neraka sempitnya?"

Rasulullah pun menjawab: "Perempuannya itu neraka sempitnya."

Dari cerita tadi jelas kepada kita betapa pentingnya akhlak yang baik. Walaupun kita mengamalkan amal ibadah, beribadah dan membuat amal kebajikan apabila kita melakukan perbuatan yang tidak baik itu akan menyakiti hati orang lain, maka yang demikian itu

menyebabkan amal kebajikannya turut terjejas dan tidak mendapat keredaan Allah s.w.t.

Nabi s.a.w. pernah bertanya kepada para sahabatnya:

"Tahukah kamu apakah yang dimaksudkan dengan muflis?" Para sahabat menjawab: "Orang yang muflis itu ialah orang yang tidak mempunyai harta walau satu sen pun."

Menurut Baginda: "Orang yang sebenarnya muflis dari umatku ialah orang yang sembahyang, mengeluarkan zakat dan berpuasa, tapi di samping itu dia telah mencela, memfitnah, memakan harta secara haram, membunuh, memukul dan menganiaya sesama manusia, maka pada hari kiamat semua pahala kebajikannya akan diberikan kepada mereka yang teraniaya dan dosa-dosa mereka pula akan dipindahkan kepadanya. Kemudian diapun dilemparkan ke api neraka."

Sesungguhnya sikap benci-membenci kepada seseorang atau kepada sesuatu kaum dengan alasan mereka itu terlalu rendah darjatnya dan hina kedudukannya adalah perbuatan yang amat dibenci oleh Allah s.w.t. Benci-membenci ataupun perbuatan menghinakan adalah termasuk dalam kategori akhlak yang buruk. Allah Taala telah menegaskan di dalam Al-Quran dalam Surah Al-Hujurat ayat 11 yang bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah suatu kaum menghinakan kaum yang lain, mungkin sekali mereka yang dihina itu lebih baik dari yang menghinakan. Dan janganlah pula kaum perempuan menghinakan kaum perempuan yang lain, barangkali mereka yang dihina itu lebih baik dari mereka yang menghinakan."

Kesimpulannya sebagai seorang Islam yang tidak ingin hilang keimanan dan amal kebajikan sepatutnya kita dengan akhlak yang mulia seperti malu pada tempatnya, pemaaf, tidak suka menghinakan, menjauhi fitnah dan sebagainya. Jika setiap individu dalam masyarakat Islam menginsafi pentingnya membentuk akhlak yang mulia insya Allah akan wujudlah sebuah masyarakat Islam yang bersatu-padu, harmoni, tenteram dan bahagia. Hal seumpama ini bukanlah khayalan tetapi adalah suatu kenyataan hidup di zaman Rasulullah s.a.w. yang mana setiap orang Islam berkewajipan untuk mematuhi.

MARILAH kita sama-sama bertakwa kehadiran Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Adapun makhluk manusia itu berbagai-bagai ragam dan keadaannya. Ada yang senang ada yang susah, ada yang taat ada yang derhaka, ada yang senang diajar ada yang degil, ada yang cepat menyesal apabila melakukan dosa dan ada yang langsung tidak kenal erti menyesal itu sama sekali.

Ingatlah wahai kaum Muslimin, kita hidup di dunia ini ada kuasa yang memerhatikan kita. Tidak terlepas sama sekali kita dari perhatian-Nya, iaitu Allah s.w.t. Sesudah diutus para Rasul, dan akhir sekali Nabi Muhammad s.a.w. untuk menyampaikan segala ajaran-ajaran agama daripadanya, maka adalah suatu keadilan pula bagi-Nya membalas dengan nikmat orang-orang yang mengikut dan mematuhi ajaran-ajaran itu, sebaliknya menyiksa atau mengazabkan orang-orang yang derhaka yang melanggar-Nya.

Tetapi sungguhpun begitu, kita perlu tahu, bahawa tidak mesti orang-orang yang derhaka itu dibalas dengan tunai oleh Allah. Kadang-kadang ahli maksiat itu kelihatan senang-lenang, kaya raya dan berbahagia di dunia ini, hingga ke saat matinya pun tidak pernah menepuh susah dan sengsara. Dan sebaliknya yang taat, ada kalanya kita dapati hidupnya susah, miskin

dan merana. Jika di zaman Nabi s.a.w., orang-orang macam ini dinamakan mereka Ahlus - suffat.

Dalam hubungan ini, orang-orang Islam perlulah memahami, bahawa kurnia Allah Taala itu merata keadaan-nya, ia tidak memilih-milih sama ada orang taat atau pun derhaka, mukmin atau pun kafir. Maksud kita ialah kurnia di dunia. Cuma yang berbeza ialah banyak sedikitnya. Tetapi dalam pada itu, satu perkara yang mustahak diingat ialah mengenai

mengapakah pula orang-orang derhaka itu kadang-kadang mendapat kesenangan lebih, sedang orang-orang taat menderita? Padahal orang derhaka itu terus menerus hanyut dan berbahagia di dalam kederhakaannya, hidup bergelulang dosa sepanjang masa, rancak dan rajin menambah-masukkan maksiat dari masa kesemasa, sehingga tidak ingat sedikit pun untuk meminta ampun dan bertaubat kepada Allah. Bahkan semakin syok dan asyik dengan maksiat dan dosa-dosa tersebut. Sebab apa anggapan hidup dalam kederhakaan dan maksiat tidak akan membawa apa-apa bencana. Buktinya banyak maksiat dilakukannya, semakin senang dan mewah. Sebaliknya orang-orang yang taat, ahli ibadat dan orang-orang salih itu pula kadang-kadang berkeadaan rendah dan tidak bernaib baik sepertinya.

Inilah satu keadaan yang kadang-kadang membawa orang tertipu. Kerana balasan Allah Taala tidak datang kepadanya setelah dia melakukan dosa, maka dia terus bersenang-lenang. Kepercayaan kabur dan semakin kabur terhadap janji Allah akan membalas dengan balasan buruk terhadap orang-orang yang berbuat dosa, dan membalas dengan balasan yang baik terhadap orang-orang yang melakukan kebajikan. Kerana itu dia pun semakin rancak melakukan kejahatan.

Kita suka memberi ingat, bahawa bukan bermakna orang-orang jahat yang terus menerus dapat menikmati hidup senang-lenang itu akan terlepas buat selama-lamanya daripada balasan Allah, bukan! Tetapi itulah tandanya Allah murka terhadapnya. Kerana itu adalah perlu sekali orang-orang semacam ini lekas-lekas sadar dan mengubah pendiriannya. Sabda Nabi s.a.w. mengingatkan, ertinya:

"Apabila Allah mahukan kebaikan kepada seseorang hamba-Nya, dia akan mempercepatkan balasan azab kerana kesalahannya itu ketika di dunia ini lagi. Sebaliknya apabila Allah mahukan keburukan baginya, Dia [Allah] akan lambatkan

balasan itu hingga hari kiamat."

Patutlah bagi setiap umat Islam sedar, bahawa mereka tidak seharusnya merasa tenteram dan berpuas hati apabila dosa dan maksiat yang mereka lakukan itu tidak terus mendapat balasan azab daripada Allah, kerana itu menandakan Allah murka, bukannya suka atau reda. Maka bagi menghilangkan murka Allah jangan berterusan, kita perlulah mengubah pendirian dan sikap kita. Dari gemar dan asyik melakukan dosa, kita jauhi dan bertaubat, supaya balasan itu tidak ditunda oleh Allah hingga ke hari akhirat.

Janganlah orang-orang yang berdosa itu wahai kaum Muslimin, tertipu dan lalai dengan saat-saat aman dan selamat yang mereka nikmati, walaupun mereka bergelulang dosa terus menerus. Ingatlah bahawa keselamatan yang sebenarnya ialah keselamatan di akhirat jua.

Bina Balai Ibadat

BERAKAS. — Platoon Jurutera Penggempur Battalion Kedua Askar Melayu Diraja Brunei akan mengungkayahkan satu kerja amal membina sebuah balai ibadat di Kampung Supon di Daerah Tutong hujung bulan ini.

Balai ibadat itu berharga kira-kira 10 ribu ringgit yang mana separuh dari perbelanjaannya telah disumbangkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama dan yang selebihnya hasil kutipan derma dari orang ramai dan beberapa buah jabatan di daerah itu.

Turut terlibat dalam pembinaan balai ibadat itu nanti ialah Jabatan Hal Ehwal Agama dan Pegabit Daerah Tutong di mana pegawai-pegawai dari jabatan-jabatan yang berkenaan itu dijangka hadir semasa kerja amal itu dijalankan.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 25hb Mei, 1983 hingga ke hari Selasa 31hb Mei, 1983 adalah seperti di bawah ini:

Hari	Bulan	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Matahari Subuh Terbit
25hb Mei		12.23	3.41	6.33	7.45	4.37	4.51 6.05
26hb Mei		12.23	3.42	6.34	7.46	4.36	4.51 6.06
27hb Mei		12.23	3.42	6.34	7.46	4.36	4.51 6.06
28hb Mei		12.23	3.42	6.34	7.46	4.36	4.51 6.06
29hb Mei		12.23	3.42	6.34	7.46	4.36	4.51 6.06
30hb Mei		12.23	3.42	6.34	7.46	4.36	4.51 6.06
31hb Mei		12.23	3.42	6.34	7.46	4.36	4.51 6.06

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negeri Brunei di mulai dari pukul 12.45 tengah hari.

Syarahhan Khas

“BERDAKWAH KEWAJIPAN UMAT”

Bersyukur kita kepada Allah kerana-Nya jua kita dapat menghayati peristiwa Israk dan Mekraj pada malam ini. Peristiwa ini dari dulu sampai sekarang akan tetap merupakan ujian keimanan, ujian keyakinan dan ujian itu akan terus berlaku sampai hamba menutup mata. Bahkan di saat sakaratul maut pun ujian itu terus dihadapi. Pada saat itu sang iblis akan terus menggoda dan cuba memesongkan supaya setiap kematian hamba akan disudahinya dengan "Suul Khatimah," iaitu kesudahan yang buruk.

Untuk seorang itu tidak akan menemui kematian dan kesudahan yang buruk, maka mustahak dibekali dan disirami dengan dakwah, didakwahi ia dengan ajaran agama, dikenalkan ia dengan syaria agama, ditanamkan ia dengan tauhid dan kepercayaan kepada Allah supaya ia menjadi hamba yang mengerti tentang kehambaan-Nya, tidak sombong, tiada takbur, sentiasa bersyukur dan sentiasa bersabar dalam kemiskinan, bersyukur dalam kemewahan. Bersyukur di sini bukan hanya setakat kata terima kasih bahkan ditegakkannya agama sebagaimana semestinya sesuai dengan usaha dan keupayaannya. Hamba yang sedemikian sudah semestinya akan menjelma dalam hidupnya rasa takut kepada Allah, takut akan balasan Allah baik di dunia mahupun di akhirat, kerana segala persoalan di akhirat itu hebat belaka, memikirkan apinya, apinya pedih sekali, memikirkan panjang masanya, masa sehari di alam akhirat menyamai 50 ribu tahun perkiraan masa di dunia (bagi orang yang melakukan kesalahan). Rasa takut hamba ini tidak pula menghilangkan rasa harapnya kepada Allah, baik sangkanya kepada Allah yang mempunyai sifat Rahman dan Rahim — rasa kasih sayang kepada hamba-hamba-Nya.

Memahami dan menanamkan tauhid kepercayaan kepada Allah adalah intisari dari dakwah Islamiah yang amat luas itu bahkan mengajak kepada kebaikan, menyerukan makruf, menghindarkan kejahatan dan menegah berbuat mungkar adalah menjadi tugas umat, menjadi kewajipan umat sesuai dengan firman Allah di dalam Surah Ali-Emran ayat 104 yang maksudnya: "Dan hendaklah di antara kamu satu pihak yang menyeru (berdakwah) kepada kebaikan (mengembangkan Islam atau menurut ajaran Al-Quran Sunnahku) dan menyeru berbuat segala perkara



Awg Haji Suhaili

yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji) dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya."

Jika berdakwah itu sebagai suatu kewajipan umat, betapa pula jika dakwah itu dikendurkan apalagi jika dimatikan, maka jika dakwah itu dimatikan maka akan mati pulalah umat itu. Inilah yang ditakutkan seperti yang dicamkan oleh Muhammad bin Ali bin Abi Talib cucu Rasulullah. Muhammad pernah berkata kepada Mutarrip bin Abdullah "Hai Mutarrip; ajarilah teman-temanmu." Mutarrip menjawab: "Saya takut mengajarkan apa yang saya tidak lakukan." Muhammad berkata: "Moga-moga Allah rahmati engkau! Siapaakah di antara kita yang berbuat apa yang dikatakan-Nya? Sesungguhnya syaitan mahu setiap orang berkata seperti yang engkau katakan ini. Sehingga akhirnya nanti tidak terdapat siapapun yang menyeru melakukan baik atau melarang berbuat jahat."

Kita tidak dapat membayangkan keburukan yang mungkin timbul jika tidak di kalangan umat itu ada orang yang berdakwah menyeru makruf menegah mungkar, sebab itu bakhil dari mengeluarkan kata-kata yang baik adalah lebih berbahaya dari bakhil akan harta. Bilangan orang-orang miskin yang memerlukan kepada sedekah atau zakat sangatlah sedikit kalau dibandingkan dengan bilangan orang-orang yang memerlukan kata-kata yang baik.

ORANG PENDIAM

Memang kita merasa kagum melihat orang yang pendiam, dan kita juga menganggap pendiam itu suatu sikap yang baik dan terpuji. Tetapi berdiam diri di saat memerlukan kata-kata adalah sangat berbahaya, kerana itu kata-kata yang baik adalah merupakan sedekah. Orang-orang Islam telah diajar supaya berkata-kata yang baik-baik termasuk apabila melihat kemungkaran dan kesalahan supaya kemungkaran itu dilenyapkan dengan kata-kata selama kekuatan tidak kita miliki.

Demikianlah dakwah dan berdakwah itu sebagai suatu kewajipan umat. Ia akan menjadi Fardu Ain atau menjadi Fardu Kifayah menurut kemampuan individu atau orang-orang perseorangan.

Berdakwah dalam ertinya yang luas mencakup keseluruhan bidang amal makruf dan nahi mungkar, menanamkan Tauhid percaya kepada Allah dan lain-lain Rukun Iman yang enam adalah pokok dan inti ajaran dan dakwah para Nabi dari zaman berzaman kemudian diwarisi pula oleh para ulama yang tidak akan putus-putusnya. Keimanan itu diabadikan dengan ucapan: *Asyhadu Alla ilaha illallah Wa Asyhadu Anna Muhammadar Rasulullah* Bahawa kita berikrar mengesakan Allah, menolak ketuhanan selain daripada Allah, Muhammad pula adalah utusan-Nya.

Tanda ikrar tadi, tanda kebenaran syahadat kita itu, kita tegakkan tiang agama iaitu sembahyang lima waktu sehari semalam. Kita tegakkan sekalipun dalam apa cara keadaan. Tidak kira sama ada kita sakit, atau di dalam pelayaran atau sebagainya. Namun seorang mukmin yang setia tetap akan melaksanakan perintah sembahyang itu sesuai dengan Firman Allah yang maksudnya: "Dirikanlah sembahyang kerana mengingat-Ku." Kerana seorang yang sering bersembahyang, sering mengingat Allah siang dan malam paling kurang lima

waktu tentulah ia terfikir olehnya masakan, ya masakan ia tergamak menderhakai Allah, masakan ia melakukan kemungkaran sedang Allah melihatnya dan ia pun seolah melihat Allah. Diterangkan dalam sebuah hadis yang maksudnya antara lain: "Hendaklah engkau menyembah Allah seolah-olah engkau melihat-Nya dan andainya engkau tidak melihat-Nya sesungguhnya Allah tetap melihat engkau." Ke mana kita akan lari, di bumi Allah juga, bahkan apa yang teringat di dalam hati pun dikesan oleh Allah.

KEAGUNGAN SEMBAHYANG

Itulah kebesaran dan keagungan sembahyang suatu perintah yang diterima langsung dari Allah di Malam Israk Mekraj yang penuh berkat diterima oleh Nabi s.a.w. di Sidratul Muntaha.

Sembahyang ini — yang menurut janji Allah — jika didirikan berdasarkan maksud yang sebenarnya pasti Allah menghalang seseorang itu dari melakukan perkara mungkar dan keji.

Setelah sembahyang, kita tegakkan kewajipan kewajipan terhadap harta. Harta mempunyai taraf dan kedudukan yang tinggi. Menjadi salah satu rukun Islam yang lima, kerana Islam menyedari harta itu sangat disayangi oleh manusia, sehingga hampir ke liang kubur pun ada orang yang memburu harta. Begitu hebat ujian-ujian yang dikenakan terhadap pemilik-pemilik harta itu, supaya pemilik harta itu terselamat daripada menerima akibat yang buruk. Diperintahkan kepadanya, diperintahkan kepadanya supaya dikeluarkan mana-mana yang telah sampai syarat-syaratnya 2½% daripada hartanya suatu kadar yang rendah berbanding dengan bayaran insurannya yang tinggi atau berbanding dengan derma yang kita keluarkan, itupun tidak diterima oleh Allah kerana ia diberikan atas tingkat yang dicap "tidak ikhlas" mungkin juga "riak".

(Bersambung)

PANDUAN HA

(Sambungan)

KHIDMAT PEGAWAI

Pegawai-pegawai Perubatan dengan Pegawai-pegawai Urusan Haji akan memberikan khidmatnya dari mula hingga balik ke Brunei. Untuk melancarkan matan ini bantuan dan kerjasama tuan sangat-sangat diharapkan. Dengan adanya di antara satu sama lain insyaAllah perubatan dan rawatan akan dapat berjalan dengan baik.

